

## INFO

- ⊙ USIM ditubuhkan pada 1998 dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- ⊙ Dinaik taraf kepada universiti pada 2007.
- ⊙ Mula beroperasi di Bandar Baru Nilai pada 2005.



# USIM tiada masjid

Tapak projek **pembinaan masjid yang terbengkalai** di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN / BH]

“**Sebenarnya kerja membina struktur asas tapak masjid sudah dimulakan pada awal pembinaan kampus tetap ini dulu. Namun, projek itu terpaksa ditangguhkan**”

**Musa Abu Hassan,**  
Pengaruh Pusat Komunikasi Strategik USIM

## Pembinaan mula awal tahun depan

**Pengaruh** Pusat Komunikasi Strategik USIM, Prof Dr Musa Abu Hassan, berkata projek pembinaan masjid di belakang bangunan Canseleri akan dimulakan awal tahun depan.

“Sebenarnya kerja membina struktur asas tapak masjid sudah dimulakan pada awal pembinaan kampus tetap ini dulu.

“Namun, projek itu terpaksa ditangguhkan kerana tumpuan diberi kepada pembinaan bangunan dan kemudahan lain yang lebih mendesak bagi membolehkan USIM menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran berkualiti,” katanya.

» **IPTA bawa imej Islam tidak sediakan kemudahan**

**Oleh Ifwan Tun Tuah**  
ifwan@bh.com.my

► **Bandar Baru Nilai**

**T**erkenal sebagai sebuah institusi pengajian tinggi agama, namun sebahagian warganya sendiri terkilannya kerana Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak memiliki masjid.

Bukan didirikan di bangunan rumah kedai seperti kebanyakan kolej swasta, USIM dibina di tanah seluas 188 hektar dengan setiap fakulti memiliki bangunan sendiri, malah turut dilengkapi kompleks sukan dan bangunan Canseleri.

Segala kemudahan itu bagai-

manapun dirasakan tidak lengkap oleh kebanyakan pelajar dan kakitangan USIM apabila masjid yang sepatutnya menjadi lambang agama Islam tidak dibina di dalam kawasan kampus universiti berkenaan.

### Menghairankan

Pelajar, Mohammad Khusaini Hisham, 22, berkata keadaan itu agak janggal bagi sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang membawa imej Islam.

“Hampir semua IPTA di negara ini memiliki masjid sendiri yang turut menjadi pusat kegiatan aktiviti keagamaan bagi pelajar, pensyarah dan kakitangan lain.

“Tapi agak menghairankan, USIM yang berteraskan pengajian agama tidak memiliki masjid walaupun sudah lebih lapan

tahun kampus ini dibuka,” katanya kepada *BH Sentral*.

Beliau mendakwa, perkara itu juga sering menjadi pertanyaan ibu bapa dan saudara yang berkunjung ke USIM.

### Tidak perlu keluar

Ahmad Sani Salim, 21, berkata USIM perlu menyediakan masjid sendiri supaya pelajar tidak perlu keluar dari kawasan kampus untuk menunaikan solat Jumaat dan melakukan aktiviti keagamaan lain.

“Ketika ini kami mengerjakan solat Jumaat di Masjid Putra Bandar Baru Nilai. Tapi pelajar mengharapkan USIM memiliki masjid sendiri supaya kegiatan keagamaan dalam kalangan kami dapat dipelbagaikan dengan lebih tersusun,” katanya.